

# 1,200 sertai Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi ASEAN

**Bandar Baru Nilai:** Seramai 1,200 penuntut menyertai Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi ASEAN dan Konvensyen Pendakwah Muda Antarabangsa 2015 di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), di sini, selama lima hari bermula hari ini.

Penganjuran acara dwitahunan yang memasuki tahun keempat sejak diperkenalkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar USIM dengan kerjasama Jabatan Kemaajuan Islam Malaysia (JAKIM), disertai mahasiswa tempatan, Indonesia dan Brunei.

Penolong Pendaftar Pusat Komunikasi Strategik USIM, Mohd Zaini Othman, berkata lebih 23 universiti serantau menyertai program itu, dengan antara wakil negara adalah Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Wakil dari Indonesia termasuk Universiti Islam Negeri (UIN) Walisongo, UIN Syarif Hidayatullah, UIN Sultan Syarif Kassim Riau, Universitas Muhammadiyah, Universitas Islam Nusantara, manakala Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan mewakili Brunei.

"Tiga pertandingan utama diadakan sepanjang ihtifal, iaitu tilawah al-Quran, debat bahasa Arab dan nasyid dengan hadiah utama berbentuk wang tunai," katanya di sini, semalam.